

07 OCT 1998

Najib-Jawatan

KEPUTUSAN PM TIDAK BOLEH DIPERSOAL, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata sesiapaapun tidak harus mempersoalkan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk tidak memilih timbalannya pada masa ini.

Katanya Dr Mahathir mempunyai sebab tersendiri dalam membuat keputusan tidak mengisi jawatan Timbalan Perdana Menteri itu, yang kosong sejak Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat 2 Sept lepas.

"Itu hak budi bicara Perdana Menteri, kita tidak boleh persoalkan. Perdana Menteri memang sudah mempertimbangkan perkara ini dengan mendalam," katanya kepada pemberita di sini selepas menyampaikan ucap utama pada satu persidangan ekonomi anjuran Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS).

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata demikian ketika diminta mengulas pengumuman Dr Mahathir mengenai keputusannya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi.

Dr Mahathir telah berkata sepanjang tempoh ketiadaan timbalannya, beliau akan melantik menteri-menteri tertentu untuk menjalankan tugas biasa Perdana Menteri sekiranya beliau berada di luar negara.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna menteri-menteri berkenaan disahkan untuk menjadi calon Timbalan Perdana Menteri atau Timbalan Presiden Umno.

"Kita menerima keputusan itu," kata Najib yang merupakan antara beberapa nama yang disebut-sebut sebagai calon bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden parti.

Ketika ditanya sama ada akan wujud persaingan beberapa pihak yang merebut jawatan berkenaan sehingga boleh memecah-belahkan perpaduan parti, beliau berkata: "Kalau pertandingan secara sihat, mungkin tidak...kalau digunakan cara yang boleh merosakkan perpaduan parti seperti salah guna kuasa dan politik wang secara besar-besaran, itu boleh mengancam perpaduan parti.

"Saya tak boleh menaruh buruk sangka kepada sesiapa, tetapi kita akan memantau keadaan ini dan saya percaya Presiden pun ada cara-cara untuk mengetahui apa yang berlaku dalam parti."

Najib berkata, Dr Mahathir telah mengarahkan beliau dan Abdullah untuk memangku bersama tugas Timbalan Presiden sehingga pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

Katanya, pada masa ini kedua-dua Naib Presiden parti dipertanggungjawabkan untuk mempengerusi bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno manakala tugas-tugas lain akan diberi dari semasa ke semasa oleh Presiden.

Najib berkata, walaupun Perhimpunan Perdana Barisan Nasional tidak boleh dianjurkan, penjelasan kepada rakyat mengenai keadaan semasa negara akan diberi.

-- BERNAMA

RAZ MAI